

Jabatan Pendaftar
Registry

Rujukan Kami (*Our Ref.*) : UMP.02.01/10.12/2 Jilid. 6 (8)

/ Oktober 2015

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BILANGAN 8 TAHUN 2015 : GARIS PANDUAN
PENEMPATAN INDUSTRI (STAF AKADEMIK) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**


Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bilangan 8 Tahun 2015 mengenai Garis Panduan Penempatan Industri (Staf Akademik) Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(WAN ABDUL RASHID BIN WAN ABDUL RAHMAN)

Timbalan Pendaftar Kanan

Jabatan Pendaftar

b.p. : Pendaftar

s.k. :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat)

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang



Senarai edaran

1. Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Elektrik (FKEE)
2. Dekan
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA)
3. Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
4. Dekan
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA)
5. Dekan
Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP)
6. Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)
7. Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
8. Dekan
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
9. Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)
10. Dekan
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
11. Dekan
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK)
12. Dekan Penyelidikan
Pejabat Penyelidikan, JPI
13. Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC)
14. Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK)
15. Pengarah
Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN)
16. Pengarah
Pusat Pengurusan & Penyelidikan Sumber Alam (CERRM)

17. Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif
18. Pengarah
Pusat Keusahawanan
19. Pengarah Kerja
Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH)
20. Pengarah
Pejabat Antarabangsa (IO)
21. Pengarah
German Academic & Career Centre (GACC)
22. Pengarah
Makmal Berpusat UMP
23. Pengarah
Penerbit UMP
24. Pengarah
Centre Of Excellence For Research In Advanced Fluid Flow (CARIFF)
25. Pengarah
Pusat Kecemerlangan IBM
26. Pengarah
Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (PPKKP)
27. Pengarah
Pusat Ko-Kurikulum
28. Pengarah
Mandarin Language & Culture Centre (MLCC)
29. Pengarah
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) Agilent
30. Pengarah
Pusat Kajian Nadir Bumi (RERC)
31. Pengarah
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik
32. Pengarah
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) CIDB
33. Ketua
Unit Audit & Integriti

34. Ketua
Pusat Kesihatan Pelajar
35. Ketua
Bahagian Keselamatan
36. Ketua
Pusat Sukan
37. Timbalan Pendaftar
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar
38. Timbalan Pendaftar
Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi, Jabatan Pendaftar
39. Timbalan Pendaftar
Pejabat Naib Canselor
40. Timbalan Pendaftar
Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar
41. Timbalan Pendaftar
Bahagian Pentadbiran UMP Pekan

**GARIS PANDUAN PENEMPATAN INDUSTRI (STAF AKADEMIK)
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Pahang berhubung dengan Pemurnian Garis Panduan Penempatan Industri (Staf Akademik) Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke 92 Bil 3.2015** yang telah bersidang pada **11 Jun 2015** telah meluluskan Kertas Cadangan Pemurnian Garis Panduan Penempatan Industri (Staf Akademik) Universiti Malaysia Pahang. Kertas cadangan ini merangkumi pemberian Elaun Sara Hidup dan Elaun Pindah selain mengekalkan pemberian dengan Bergaji Penuh dan Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA).
- 2.2 **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali ke 24 Bil 2/2015** yang telah bersidang pada **15 Jun 2015** telah meluluskan Pemurnian Garis Panduan Penempatan Industri (Staf Akademik) Universiti Malaysia Pahang.
- 2.3 Pemurnian panduan dan pemberian elaun ini dapat menggalakkan pegawai akademik menjalani penempatan industri bagi memperolehi kepakaran profesional (Ir) dan menyelia pelajar *Ph.D Industry* di samping mendapat pengalaman industri dan meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak Industri.

3.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PENEMPATAN INDUSTRI (Staf Akademik)

- 3.1 Kelayakan dan syarat untuk menjalani penempatan industri bagi staf akademik adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Penempatan Industri (Staf Akademik) Universiti Malaysia Pahang).

4.0 PEMAKAIAN


4.1 Garis panduan ini akan digunapakai bagi tujuan permohonan Penempatan Industri bagi pegawai akademik , Universiti Malaysia Pahang.

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 11 Jun 2015.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD RAHMAN BIN HJ. SAFIE)

Timbalan Pendaftar Kanan

(Menjalankan Tugas Pendaftar)

Tarikh : 30/9/15

Edaran kepada :

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-undang

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Salinan Kepada :

YH Dato' Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

GARIS PANDUAN PENEMPATAN INDUSTRI (STAF AKADEMIK) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



EDISI 02

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1. Pengenalan	1
2. Konsep	1
3. Tujuan Penempatan Industri	1-2
4. Kategori Penempatan Industri / Agensi	
4.1.1 Skim Sangkutan Profesional (Penempatan Industri bagi Pengiktirafan Profesional)	2-3
4.1.2 Skim Sangkutan Industri/Agensi Bagi Penyeliaan PHD <i>Industry</i>	3-4
5. Syarat Kelayakan Penempatan Industri	
5.1 Kelayakan Pegawai	4-5
5.2 Kelayakan Agensi / Industri	5
6. Tempoh Penempatan Industri	5-6
7. Tempat Penempatan Industri	6
8. Maklumat Penempatan Industri	6
9. Gaji Pegawai	6
10. Cuti Rehat	7
11. Kemudahan Dan Elaun	7
12. Bantuan Luar	7
13. Ikatan Perjanjian	8
14. Sakit Teruk Dan Berpanjangan	8-9
15. Tatatertib	9
16. Tugas	9
17. Tanggungjawab	
17.1 Kelakuan	9-10
17.2 Kegiatan Politik	10
17.3 Laporan Dan Penilaian	11
18. Gagal Penempatan Industri	11
19. Lanjutan Tempoh Penempatan	11
20. Hak Universiti	12
21. Carta Alir Urusan Penempatan Industri	13

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Penempatan Industri (Staf Akademik) Universiti Malaysia Pahang.
- 1.2 Selaras dengan misi universiti untuk menyediakan pembelajaran teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti, pegawai akademik Universiti perlu dilengkapi dengan teknologi dan inovasi terkini secara berterusan.
- 1.3 Program ini merupakan salah satu daripada skim dan program pemantapan kemahiran dan kemampuan sendiri serta peningkatan ilmu pengetahuan setiap pegawai akademik yang terlibat melalui perkongsian dengan pihak industri / agensi kerajaan yang berkaitan.
- 1.4 Penempatan Industri adalah salah satu daripada skop Pembangunan Sumber Manusia yang diberi penekanan supaya pegawai akademik dapat didedahkan dengan situasi sebenar sesuatu industri melalui konsep "*experiential-learning*" dalam bidang-bidang industri yang tertentu, selaras dengan "*focus-area*" fakulti yang telah dikenal pasti.

2. KONSEP

- 2.1 Program ini dijalankan dengan cara penempatan pegawai akademik di industri / agensi kerajaan mengikut kaedah, tempoh dan tujuan yang diluluskan oleh pihak Universiti Malaysia Pahang.

3. TUJUAN PENEMPATAN INDUSTRI

- 3.1 Memberi serta membuka peluang luas kepada pegawai akademik di terlibat untuk meneroka, mempertingkatkan kemampuan sendiri dan tahap profesionalisme perkhidmatan.
- 3.2 Membuka peluang pemindahan dan / atau pertukaran ilmu dan teknologi (*technology and knowledge transfer and / or exchange*) supaya dapat meningkatkan nilai tambah kepada pegawai akademik di terlibat dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang / mengurangkan risiko.
- 3.3 Berkongsi dan memperolehi pengalaman kerja bagi pertingkatkan dan / atau mendapatkan pengalaman profesional di dalam sesuatu bidang berkaitan dengan pengurusan, kewangan dan lain-lain yang diperakukan.

- 3.4 Mendedahkan pegawai akademik di untuk lebih memahami dengan lebih mendalam tentang keperluan, tanggungjawab dan operasi sesebuah organisasi / industri supaya dapat diaplikasikan dalam proses pengurusan di Universiti.
- 3.5 Menggalakkan penyertaan pegawai akademik di dalam aktiviti penambahbaikan kepakaran.
- 3.6 Menyerlahkan potensi pegawai akademik sepenuhnya dengan menyediakan peluang dan suasana kerja yang kondusif untuk pembentukan kreativiti dan inovasi.
- 3.7 Program Industri atau Ph.D *Industry* memberi tumpuan kepada profesional dan pengamal industri dengan tujuan untuk menghasilkan dan meningkatkan inovasi dan daya saing melalui penyelidikan berasaskan industri.
- 3.8 Menyokong insentif kerajaan bagi menggalakkan perkongsian pengetahuan di kalangan pengamal industri dan akademik untuk melahirkan profesional yang berpengetahuan.

4. KATEGORI SKIM PENEMPATAN INDUSTRI DI INDUSTRI / AGENSI

- 4.1 Terdapat dua (2) kategori skim penempatan industri yang boleh dijalankan oleh pegawai akademik, iaitu :

4.1.1 SKIM SANGKUTAN PROFESIONAL (Penempatan Industri bagi Pengiktirafan Profesional)

- 4.1.1.1 Kakitangan akademik yang perlu menjalani penempatan di industri bagi pengiktirafan profesional boleh menggunakan skim ini untuk mendapatkan pengiktirafan dari badan-badan profesional masing-masing.

4.1.1.2 Kategori Penempatan Industri

i. Penempatan Industri Sepenuh Masa Dengan Penajaan

- a. Dijalankan secara sepenuh masa dan menerima elaun sepanjang tempoh penempatan industri yang diluluskan.

ii. Penempatan Industri Sepenuh Masa Tanpa Penajaan

- a. Dijalankan secara sepenuh masa tanpa menerima elaun sepanjang tempoh penempatan industri yang diluluskan

iii. Penempatan Industri Secara Berjadual

- a. Dijalankan secara separuh masa mengikut tempoh tertentu yang diluluskan oleh pihak Universiti dalam sesi kuliah/semester.
- b. Ianya juga meliputi sekiranya pegawai menjalani penempatan industri secara sepenuh masa dalam tempoh kurang dari 6 bulan dan meneruskan penempatan industri secara separuh masa dalam tempoh sesi kuliah/semester.
- c. Dijalankan secara berjadual tanpa menerima elaun sepanjang tempoh penempatan industri yang diluluskan.

4.1.2 SKIM SANGKUTAN INDUSTRI/ AGENSI BAGI PENYELIAAN PHD *INDUSTRY*

4.1.2.1 Skim ini terbuka kepada kakitangan akademik yang diarahkan untuk mendapatkan pengalaman industri dan atau menjalani penyelidikan di industri / NGO / agensi kerajaan yang diikuti di samping menyelia pelajar-pelajar Ph.D *Industry* selain untuk mendapatkan pengiktirafan dari badan-badan profesional masing-masing.

4.1.2.2 Program Industri atau Ph.D *Industry* memberi tumpuan kepada profesional dan pengamal industri dengan tujuan untuk menghasilkan dan meningkatkan inovasi dan daya saing melalui penyelidikan berasaskan industri.

4.1.2.3 Program ini merupakan insentif kerajaan untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan di kalangan pengamal industri dan akademik untuk melahirkan profesional yang berpengetahuan.

4.1.2.4 Kategori Penempatan Industri

i. Penempatan Industri Sepenuh Masa Dengan Penajaan

- a. Dijalankan secara sepenuh masa dan menerima elaun sepanjang tempoh penempatan industri yang diluluskan.

- ii. Penempatan Industri Sepenuh Masa Tanpa Penajaan
 - a. Dijalankan secara sepenuh masa tanpa menerima elaun sepanjang tempoh penempatan industri yang diluluskan

5. SYARAT KELAYAKAN PENEMPATAN INDUSTRI

5.1 KELAYAKAN PEGAWAI

5.1.1 SKIM SANGKUTAN PROFESIONAL

Syarat bagi membolehkan seseorang pegawai layak dipertimbangkan untuk mengikuti penempatan industri ialah:

- i. Telah dilantik sebagai pensyarah tetap;
- ii. Telah disahkan dalam perkhidmatan ;
- iii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun di Universiti Malaysia Pahang;
- iv. Tidak melampaui umur persaraan wajib, diambilkira sekurang-kurangnya 5 tahun sebelum tempoh persaraan wajib dan dikira mulai dari tarikh melaporkan untuk bertugas semula;
- v. Mendapat sokongan/perakuan daripada Ketua Jabatan; dan
- vi. telah mendaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia sebagai Jurutera Siswazah (kejuruteraan), manakala bagi staf yang mempunyai bidang profesional (bukan kejuruteraan/Senibina/Ukur Tanah & Bahan / Pembiayaan / lain-lain) hendaklah berdaftar sebagai ahli badan profesional yang berkenaan.

5.1.2 SKIM SANGKUTAN INDUSTRI/ AGENSI BAGI PENYELIAAN PHD INDUSTRI

Syarat bagi membolehkan seseorang pegawai layak dipertimbangkan untuk mengikuti penempatan industri ialah:

- i. Telah dilantik sebagai pensyarah tetap;
- ii. Telah disahkan dalam perkhidmatan ;
- iii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun di Universiti Malaysia Pahang;
- iv. Tidak melampaui umur persaraan wajib, diambilkira sekurang-kurangnya 5 tahun sebelum tempoh persaraan wajib dan dikira mulai dari tarikh melaporkan untuk bertugas semula;

- v. Mendapat sokongan/perakuan daripada Ketua Jabatan; dan
- vi. telah mempunyai sekurang-kurangnya seorang calon pelajar di peringkat Ph.D *Industry* (tertakluk kepada pelajar telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh UMP).

5.2 KELAYAKAN AGENSI /INDUSTRI

5.2.1 Agensi / industri dan bidang yang disertai hendaklah diiktiraf oleh universiti dan kerajaan serta selaras / relevan dengan keperluan / focus Fakulti dan Universiti;

- i. Penerimaan agensi / industri mengikut syarat yang ditetapkan oleh pihak Universiti ; dan
- ii. Urusan mendapatkan tempat di agensi / industri berkaitan hendaklah diuruskan sendiri oleh pegawai berkenaan. Pegawai boleh memohon/mendapatkan surat perakuan / jaminan daripada Fakulti/Jabatan untuk tujuan tersebut.

6. TEMPOH PENEMPATAN INDUSTRI

6.1 Tempoh Cuti Penempatan Industri boleh dipertimbangkan bagi tempoh **tidak melebihi daripada dua belas (12) bulan** bergantung kepada persetujuan dengan industri. Sekiranya pegawai ingin melanjutkan tempoh penempatan industri setelah tamat tempoh 12 bulan yang diberikan, permohonan baharu perlu dikemukakan kepada pihak universiti, namun, tertakluk kepada keperluan penempatan industri serta kelulusan pihak Universiti.

6.2 Tempoh Cuti Penempatan Industri meliputi :

- i. Masa dalam perjalanan ke tempat penempatan industri dan kembali melalui perjalanan yang paling dekat dan kadar tambang paling murah ;dan
- ii. Masa menunggu di tempat penempatan industri akibat kelewatan urusan perjalanan yang tidak dapat dielakkan

6.3 Tarikh Mula Dan Tamat Cuti Penempatan Industri :

- i. Tarikh mula dan tamat adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam surat kelulusan Universiti; atau
- ii. Tarikh diarahkan kembali oleh Universiti atas sebab-sebab tertentu

6.4 Universiti boleh menamatkan Cuti Penempatan Industri yang diluluskan ini pada mana-mana tarikh yang lebih awal sekiranya didapati pegawai telah menunjukkan prestasi kurang memuaskan berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh pihak industri / agensi.

- 6.5 Pegawai yang menamatkan Cuti Penempatan Industri ini dikehendaki melapor diri untuk bertugas semula dengan segera, sehari selepas tamat kelulusan penempatan industri ini di Fakulti/jabatan.
- 6.6 Tempoh Cuti Penempatan Industri bagi permohonan semula adalah sebagaimana berikut :
- i. Sangkutan Profesional
 - 6 Bulan - Tempoh maksimum adalah 12 bulan
 - 12 Bulan – Sekali dalam tempoh perkhidmatan sahaja
 - ii. Sangkutan Industri (Penyeliaan Ph.D *Industry*)
 - 6 Bulan - Tempoh maksimum adalah 12 bulan
 - 12 Bulan – Selepas 5 tahun dari tarikh tamat kelulusan pertama.

7. TEMPAT PENEMPATAN INDUSTRI

- 7.1 Penempatan Industri adalah di dalam negara sahaja.
- 7.2 Pegawai hendaklah mengikuti Penempatan Industri sebagaimana yang telah diluluskan.
- 7.3 Pegawai adalah dilarang sama sekali berpindah industri / agensi tanpa mendapat kebenaran Universiti kecuali atas sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah oleh Pihak Pengurusan Universiti. Sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi, Universiti boleh menarik balik dan membatalkan kelulusan Cuti Penempatan Industri ini dan pegawai akan dipanggil pulang dengan serta merta.

8. MAKLUMAT PENEMPATAN INDUSTRI

- 8.1 Pegawai dikehendaki mengemukakan bukti tarikh pendaftaran di industri / agensi dalam bentuk dokumen rasmi pengesahan pendaftaran kepada Universiti.
- 8.2 Pegawai dikehendaki mengemukakan laporan lengkap sepanjang tempoh penempatan menjalani penempatan industri mengikut format yang ditetapkan.

9. GAJI PEGAWAI

- 9.1 Semasa mengikuti penempatan ini, pegawai akan dibayar gaji penuh oleh pihak Universiti termasuk elaun-elaun yang layak diperolehi mengikut gred gaji jawatan hakikinya.

10. CUTI REHAT

10.1 Kemudahan cuti rehat semasa penempatan ini adalah mengikut peraturan kemudahan cuti yang sedang berkuatkuasa di UMP. (mengikut kelayakan tahun semasa).

11. KEMUDAHAN DAN ELAUN

11.1 Semasa mengikuti penempatan industri, pegawai adalah layak menerima elaun dan kemudahan seperti berikut:

- i. Pegawai dan tanggungannya adalah layak mendapat rawatan dan kemudahan perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan Universiti. Di tempat-tempat yang tidak terdapat klinik panel, pegawai hendaklah mendapatkan rawatan dan kemudahan perubatan daripada klinik atau hospital kerajaan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.
 - ii. Elaun dibayar bagi pegawai yang menjalankan penempatan industri di bawah **Skim Sangkutan Profesional dan Skim Sangkutan Industri / Agensi Bagi Penyeliaan Ph.D Industry**, namun tertakluk kepada kelulusan Pihak Universiti melalui Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM).
 - iii. Elaun yang dibayar kepada pegawai yang layak adalah pada kadar bujang sahaja. Maklumat adalah sebagaimana di bawah:
 - a. Bergaji Penuh
 - b. Bantuan Sara Hidup (COLA) – mengikut Penempatan
 - c. Elaun Sara Hidup RM 800 sebulan
 - d. Elaun Pindah – mengikut kelayakan
- * Elaun-elaun khas pentadbiran dan elaun kritikal yang diterima akan dihentikan dan tidak akan diberi selama tempoh menjalani program tersebut.

12. BANTUAN LUAR

12.1 Pegawai hendaklah mengistihar / memaklumkan pihak Universiti sekiranya menerima apa-apa bantuan kewangan dan kemudahan dari sumber lain selain dari Universiti ini atau penganjur yang diluluskan oleh Universiti.

13. IKATAN PERJANJIAN

13.1 Pegawai dikehendaki menandatangani surat perjanjian Cuti Penempatan Industri sebagaimana yang telah ditetapkan. Dengan ini pegawai akan terikat untuk terus berkhidmat dengan Universiti ini setelah tamat latihannya selama tempoh yang telah ditetapkan.

13.2 Tempoh ikatan perjanjian dan jumlah gantirugi adalah sebagaimana di bawah :

Bil	Perkara	Tempoh Ikatan Perjanjian :		Jumlah Gantirugi
		6 Bulan	12 Bulan	
1	Penempatan Industri Sepenuh Masa Dengan Penajaan	12 Bulan	24 Bulan	Kos Sebenar
2	Penempatan Industri Sepenuh Masa Tanpa Penajaan	6 Bulan	12 Bulan	Kos Sebenar
3	Penempatan Industri Secara Berjadual	Tiada		Tiada
* Penting :				
1) Kos Sebenar merangkumi segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti termasuk gaji (emolumen), yuran, elaun dan lain-lain perbelanjaan yang berkenaan.				
2) Ikatan Perjanjian bermula dari tarikh tandatangan. Ikatan untuk berkhidmat adalah bermula dari tarikh lapor diri.				

13.3 Sekiranya pegawai tidak menandatangani atau menyempurnakan perjanjian ini dalam tempoh 1 bulan dari tarikh surat tawaran dikeluarkan atau sebelum pegawai berlepas ke tempat latihan, mana yang terdahulu, maka kelulusan dan tawaran Penempatan Industri ini akan ditarik balik.

13.4 Sekiranya pegawai masih terikat dengan kontrak Cuti Belajar, tempoh ikatan ini hendaklah ditambah dengan ikatan tempoh Cuti Belajar.

14. SAKIT TERUK DAN BERPANJANGAN

14.1 Pegawai dikehendaki kembali berkhidmat sekiranya mendapat sakit teruk dan berpanjangan yang boleh menyebabkan penempatan industri pegawai terjejas. Universiti akan menarik balik dan menamatkan kelulusan Cuti Penempatan Industri dan tidak akan melayani apa-apa tuntutan gantirugi berkenaan perkara ini.

- 14.2 Walau bagaimanapun Universiti di atas pertimbangan tertentu, setelah mendapat bukti bahawa pegawai tidak dapat meneruskan penempatan ini kerana disebabkan sakit berpanjangan, boleh menangguhkan penempatan industri ini dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

15. TATATERTIB

- 15.1 Dalam tempoh Cuti Penempatan Industri, pegawai adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Universiti 1971 serta pindaan-pindaannya.
- 15.2 Pegawai adalah dikehendaki pada setiap masa berkelakuan selaras dan seimbang dengan tanggung-jawab sebagai pegawai Badan Berkanun Kerajaan Malaysia dan pegawai Universiti.

16. TUGAS

- 16.1 Pegawai dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran bertulis kepada Universiti yang diperakukan oleh penyelia di industri / agensi;
- 16.2 Membenarkan industri / agensi menghantar laporan kemajuan pegawai ke Universiti ini; dan
- 16.3 Kembali ke Universiti ini dengan segera sebaik sahaja latihannya tamat walaupun tempoh kuatkuasa penempatan Industri ini belum tamat.

17. TANGGUNGJAWAB

17.1KELAKUAN

- i. Semasa mengikuti penempatan industri, pegawai dikehendaki berkelakuan sebagai seorang pegawai Badan Berkanun Kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi arahan-arahan / peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Universiti ini dan kerajaan Malaysia dari masa ke semasa. Tindakan sewajarnya akan diambil seandainya pegawai melanggar arahan / peraturan yang dikeluarkan itu;
- ii. Sekiranya pegawai didapati atau dilaporkan terlibat dalam mana-mana kes jenayah dan apa-apa salah laku yang akan mencemarkan nama baik Universiti ini, maka tindakan tatatertib akan diambil dan kelulusan Penempatan Industri ini akan ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian;

- iii. Dalam tempoh penempatan industri, pegawai tidak dibenarkan membuat perjalanan ke lain-lain Negara, kecuali dengan kelulusan Universiti ini. Universiti tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan yang terlibat akibat perjalanan tersebut. Sekiranya pegawai didapati atau dilaporkan melakukan perjalanan sedemikian tanpa kelulusan, maka tindakan tatatertib akan diambil dan kelulusan Cuti Penempatan Industri ini boleh ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian; dan
- iv. Sepanjang tempoh penempatan industri, pegawai adalah berada di bawah kawalan dan penyeliaan tatatertib Universiti dan industri / agensi.

17.2 KEGIATAN POLITIK

- i. Pegawai tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh kerajaan atau Universiti ini, tidak selaras dengan kepentingan pegawai atau kepentingan Universiti ini atau Negara. Dan apabila pegawai diberitahu oleh Universiti atau kerajaan bahawa apa-apa kegiatan yang diambil oleh pegawai adalah tidak selaras dengan kepentingan pegawai atau kepentingan Negara atau Universiti, maka pegawai hendaklah berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;
- ii. Pegawai tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Universiti. Universiti, mengikut budi bicara mutlak, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu;
- iii. Pegawai tidak boleh menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan itu adalah pada pendapat kerajaan atau Universiti ini boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Universiti. Universiti, mengikut budi bicara mutlak, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu; dan
- iv. Sekiranya pegawai melanggar mana-mana syarat tersebut di para (i) hingga (iii) di atas, maka tindakan tatatertib akan diambil dan kelulusan penempatan industri ini akan ditarik balik. Sekiranya ini berlaku, pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

17.3 LAPORAN DAN PENILAIAN

17.3.1 Pegawai dikehendaki mengemukakan laporan lengkap sepanjang tempoh menjalani penempatan industri **dalam tempoh yang ditetapkan** mengikut format yang telah disediakan;

17.3.2 Membenarkan industri / agensi menghantar laporan kemajuan pegawai ke Universiti ini ; dan

17.3.3 Pegawai yang diluluskan Cuti Penempatan Industri bagi tujuan :

i. **Pengiktirafan Profesional**, dikehendaki mengemukakan salinan permohonan yang dihantar kepada mana-mana badan profesional yang berkenaan dalam tempoh maksimum dua belas (12) bulan;

ii. **Penyeliaan Ph.D *Industry***, dikehendaki mengemukakan salinan permohonan yang dihantar kepada mana-mana badan profesional yang berkenaan dalam tempoh maksimum dua belas (12) bulan dan atau salinan laporan pengajian pelajar Ph.D *Industry* yang berkenaan.

Tempoh tersebut akan dikira selepas tarikh lapor diri semula di UMP setelah tamat tempoh yang diluluskan.

18. GAGAL PENEMPATAN INDUSTRI

18.1 Sekiranya Universiti mendapati bahawa pegawai telah mengabaikan tanggungjawabnya yang mengakibatkan laporan kemajuan pegawai tidak memuaskan, kelulusan Cuti Penempatan Industri ini akan ditarik balik.

18.2 Sekiranya ini berlaku, pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

19. LANJUTAN TEMPOH PENEMPATAN


19.1 Tiada lanjutan tempoh dibenarkan selepas daripada tempoh yang telah diluluskan.

20. HAK UNIVERSITI

- 20.1 Walau apapun perbekalan dalam surat kelulusan Cuti Penempatan Industri ini, Universiti ini berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/atau tambahan tersebut.

- 20.2 Universiti juga berhak menarik balik kelulusan Cuti Penempatan Industri ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan Universiti tidak akan melayani apa-apa tuntutan gantirugi berkenaan/akibat dari perkara ini.

CARTA ALIR URUSAN PENEMPATAN INDUSTRI



- ❖ Pemurnian **Garis Panduan Penempatan Industri (Staf Akademik), Universiti Malaysia Pahang** telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke 92 Bil 3/2015 yang telah bersidang pada 11 Jun 2015.